

Eksplorasi Tanah Liat Alternatif Menerusi Adaptasi Bentuk Tembikar Warisan Melayu

*Alternative Clay Exploration Through Pottery Shape Adaptation
Malay heritage*

Muhammad Safwan Mohd Shariff¹, Tajul Shuahizam Said², Harozila Ramli³
^{1,2,3}*Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,*
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
¹*muhammadsafwanshariff5037@gmail.com*

Published: 30 December 2022

To cite this article (APA): Mohd Shariff, M. S., Said, T. S., & Ramli, H. (2022). Eksplorasi Tanah Liat Alternatif Menerusi Adaptasi Bentuk Tembikar Warisan Melayu: *Alternative Clay Exploration Through Pottery Shape Adaptation Malay heritage. Jurnal Peradaban Melayu, 17(2), 39–48.*
<https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.5.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.5.2022>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehkerjaan Model Praktis Studio Seramik (MPSS) terhadap penggunaan tanah liat alternatif (TLA) sebagai salah satu alat untuk mengekalkan warisan Melayu agar tidak ditelan oleh arus pemodenan. Panduan utama kajian ini berlandaskan TLA & warisan Melayu dengan membuat penilaian fenomenologi warisan Melayu semasa kaedah kualitatif dijalankan dengan mengaplikasikan kajian TLA secara studio praktis. Sampel TLA diperolehi dari pelbagai lokasi sungai di Malaysia. Namun begitu setiap sampel akan menunjukkan kebolehkerjaan yang berbeza mengikut kandungan TLA dan bentuk muka bumi. MPSS merangkumi 5 aspek utama iaitu explorasi, aplikasi, praktis, teknik dan produk dalam menerapkan nilai dan cinta akan warisan Melayu dengan mengaplikasikan teknik asas seramik dalam mengekalkan warisan Malaysia. Dengan menggunakan teknik asas lingkaran untuk menghasilkan karya seni kreatif berbentuk 2D atau 3D yang bertemakan warisan Melayu. Dapatan kajian akan menunjukkan hasil TLA alternatif yang digunakan mampu menjadi alat alternatif dalam mengekalkan warisan Melayu tanpa berfokus pada 3 kawasan sekitar terutama di Labu Sayong, Kuala Kangsar, Tembikar Terenang, Pahang dan Mambong, Kelantan sebagai pusat untuk mendapatkan TLA utama. Pengadaptasian ini dapat membina dan membentuk pemikiran kreatif, pengalaman estetik dan fenomena warisan Melayu semasa MPSS dijalankan. Kesimpulannya, melalui MPSS ini mungkin boleh dijadikan satu model khas untuk mengekalkan bidang kraf seramik dengan mengekalkan identiti warisan Melayu melalui penggunaan kembali TLA daripada pupus. Selain itu, penggunaan semula TLA dapat menanam minat dan ikuri kepada pelajar untuk mendalami bidang kraf ini. Hal ini merupakan satu sinar baru bagi memartabatkan warisan Melayu melalui prosedur ini dan boleh digunakan secara meluas untuk melahirkan perintis serta pengiat seramik tanpa batasan.

Kata Kunci: Tanah liat, warisan, praktis, alternatif, fenomenologi

ABSTRACT

This study aims to identify the workability of the Ceramic Studio Practical Model (MPSS) on the use of alternative clay (TLA) as one of the tools to preserve the Malay heritage so that it is not swallowed by the currents of modernization. The main guide of this study is based on TLA & Malay heritage by making an assessment of the phenomenology of Malay heritage while the qualitative method is conducted by applying the study of TLA in a practical studio. TLA samples were obtained from various river locations in Malaysia. However, each sample will show different workability according to the TLA content and the shape of the earth's surface. MPSS covers 5 main aspects, namely exploration, application, practice, techniques and products in applying values and love of Malay heritage by applying basic ceramic techniques in maintaining Malaysian heritage. By using the basic technique of spiral to produce creative artwork in the form of 2D or 3D with a Malay heritage theme. The findings of the study will show that the alternative TLA used can be an alternative tool in maintaining the Malay heritage without

focusing on the 3 surrounding areas, especially in Labu Sayong, Kuala Kangsar, Terenang Pottery, Pahang and Mambong, Kelantan as the center to obtain the main TLA. This adaptation can build and shape creative thinking, aesthetic experience and Malay heritage phenomena during MPSS. In conclusion, through MPSS this may be used as a special model to maintain the field of ceramic craft by maintaining the identity of Malay heritage through the reuse of TLA from extinction. In addition, the reuse of TLA can instill interest and curiosity in students to deepen this field of craft. This is a new ray to uphold the Malay heritage through this procedure and can be used widely to produce pioneers and ceramic makers without limits.

Keywords: Clay, heritage, practical, alternative, and phenomenology

PENGENALAN

Tembikar dijadikan kriteria penting dalam menentukan perubahan corak hidup masyarakat prasejarah dan dijadikan petanda masyarakat tersebut telah memasuki kebudayaan Neolitik yang dipercayai bermulanya aktiviti pertanian, Adi Taha 2000. Tanah liat merupakan bahan asas dan utama dalam masyarakat terdahulu dalam kehidupan. Kegunaan tanah pada masa lampau amatlah berguna. Seni seramik wujud dalam pelbagai bentuk utiliti seperti pinggan mangkuk, perabot, seni perhiasan dan sebagainya. Dilihat dari aspek perkembangan kebudayaan benda di dunia, bahan tanah liat telah lama menjadi media penghasilan keperluan hidup dan juga pernyataan ekspresif kepada masyarakat. Penghasilan seni tembikar yang mengaplikasikan media tanah liat sebagai media bahantara merupakan salah satu seni yang tertua di dunia selepas penggunaan media batu. Penggunaan bahan tanah liat dalam kebudayaan benda masyarakat Malaysia telah mula dikesan sejak dari zaman Neolitik lagi, Tajul 2007. Ia mempunyai tafsiran yang luas dan bukan hanya dilihat pada elemen formal tetapi juga memancarkan perspektif adat dan budaya tradisi masyarakat. Kegunaan yang sering digunapakai dalam bentuk alatan memasak, berburu, aksesori dan keagamaan. Menurut Azwan Jainal, Harozila Ramli & Tajul Shuhaizam 2021, bahawa kebudayaan juga dikaitkan dengan nilai-nilai, tingkah laku dan sesuatu objek yang berunsur kebendaan mahupun bukan kebendaan kemudian menjadi sesuatu khazanah warisan dalam sesetengah masyarakat. Warisan budaya dikategorikan sebagai warisan ketara, tidak ketara, harta, struktur ataupun artifak, objek, seni persembahan seperti tarian, nyanyian, seni bela diri silat dan lain-lain.

Hal ini harus diberi keutamaan dalam mengekalkan warisan ini agar tidak ditelan arus pemordenan. Elemen-elemen dalam seni ukiran tradisional Melayu pula mempunyai motif ragam hias yang mempunyai nilai estetika Nurul Izzah, Tajul & Harozila 2019. Warisan memainkan peranan penting dalam sesuatu bangsa. Warisan budaya yang pelbagai dimiliki dan diwarisi setiap etnik dan peribumi warisan menjadi lambang kepada identiti kepada sesuatu rumpun atau negara, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff 2018. Seterusnya, menurut Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushhrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah KamarusZaman, Sri Winami Samsir, Ahmad Nazrin Anuar. 2013. Selain itu, peranan media juga harus melakukan permerkasaan asset semulajadi untuk kelestarian pelancongan di setiap lokasi baru nanti disetiap kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan tanah liat alternatif. Dengan bersandarkan kepada kajian eksperimentasi terhadap keboleherjaan Model Praktis Studio Seramik (MPSS) sebagai salah satu alat untuk mengekalkan warisan Melayu agar tidak ditelan oleh arus pemordenan dengan mengaplikasikan penggunaan tanah liat alternatif. Panduan utama kajian ini berlandaskan TLA & warisan Melayu dengan membuat penilaian fenomenologi warisan Melayu semasa kaedah kualitatif dijalankan dengan mengaplikasikan kajian TLA secara studio praktis. Sampel TLA diperoleh dari pelbagai lokasi sungai di Malaysia. Namun begitu setiap sampel akan menunjukkan keboleherjaan yang berbeza mengikut kandungan TLA dan bentuk muka bumi. MPSS merangkumi 5 aspek utama iaitu explorasi, aplikasi, praktis, teknik dan produk dalam menerapkan nilai dan cinta akan warisan Melayu dengan mengaplikasikan teknik asas seramik dalam mengekalkan warisan Malaysia. Dengan menggunakan teknik asas lingkaran untuk menghasilkan karya seni kreatif berbentuk 2D atau 3D yang bertemakan warisan Melayu.

KAJIAN

Akta pemuliharaan warisan budaya di Malaysia menerusi perundangan warisan. Warisan budaya yang pelbagai dimiliki dan diwarisi setiap etnik dan peribumi di Malaysia. Menurut Tajul 2007, tembikar telah diagungkan sebagai satu objek yang berkaitan tentang kehidupan kepada masyarakat. Seterusnya, kemahiran pengadaptasian bahan asas amat penting dalam setiap prosedur khusus terutamanya dalam bidang kraf seramik. Penghasilan tembikar bukan lagi hanya sekadar memenuhi keperluan untuk hidup tetapi ia juga merupakan satu lambang penyataan yang ekspresif kepada masyarakat, Tajul 2007. Berdasarkan, perundangan warisan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005(Akta 645) digunakan untuk memberikan perlindungan dalam usaha mengekalkan warisan budaya negara. Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menjadi tunjung utama kepada perundangan yang berkaitan dengan warisan yang sedia ada seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1972) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Hal ini dapat memberi perlindungan yang sewajarnya terhadap warisanbudayadi Malaysia. Perlindungan ini amat penting agar warisan budaya dapat dikekalkan untuk tatapan generasi seterusnya dan menjadi jati diri mereka.

Selain itu, penggunaan kembali tanah liat alternatif dalam penghasilan bahan alternatif dalam penghasilan karya seni kraf kreatif bagi mengekalkan warisan Melayu dalam skop kraf tradisional. Melalui kajian dengan menguji kadar keplastikan tanah liat tersebut berbentuk 'ring', Shariff M.S 2018. Aspek formalistik dan ikonografi merupakan persoalan utama yang menjadi tunjang pada setiap penghasilan sesebuah karya seni Tajul 2007. Data yang dikumpulkan berdasarkan tindak balas sampel terhadap proses eksperimentasi studio praktis. Tindak balas sampel terhadap ujikaji yang dikenakan akan direkodkan sebagai penanda kayu ukur pencapaian kajian eksperimentasi mendakan tanah liat alternatif sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari dalam mengekalkan warisan Melayu. Kajian sebelum pernah dilakukan oleh Shariff. M.S 2018 bagi mengenal pasti kebolehgunaan mendakan Tapak Pelupusan Habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari.

Kaedah eksperimentasi secara studio praktis diaplikasi dalam mereka corak untuk menghasilkan seramik kontemporari berasaskan mendakan Tapak Pelupusan Habu iaitu tanah mendakan lumpur sungai di Cameron Highlands. Hasil kajian tersebut berjaya diselesaikan dengan tahap pencapaian yang memuaskan sehingga mendakan tanah tersebut dapat digunakan balik dalam penghasilan seramik kontemporari. Masalah longgokan dan mendakan tanah di empangan Cameron Highlands juga dapat diatasi. Namun begitu, warisan ini juga perlu dikekalkan agar ia mampu menjadi warisan Melayu yang bernilai. Salah satu contoh adalah Kajian oleh Adilawati, Asri (2014) Pelestarian dalam mengekalkan seni warisan ukiran kayu kaum Iban. Dimana terdapat pengkaji yang serius dan bersemangat dalam mengekalkan identiti khusus dalam bidang kraf agar kesenian warisannya tidak lapuk ditelan arus pemodenan. Pengkalan terhadap seni kraftangan yang berunsurkan warisan ukiran kayu ini bagi kaum iban.

Namun begitu, dalam bidang seramik juga adalah warisan kesemua etnik di Malaysia. Ia melambangkan khazanah dan salah satu identiti yang patut dijaga dan diperkembangkan dalam sektor pengeluaran bahan yang sejajar dengan perkembangan ekonomi dan peredaran masa sekarang. Karya seni seramik adalah manifestasi perasaan dan fikiran yang terhasil melalui beberapa teknik dan bentuk penghasilannya, menurut Tajul Shuhaizam 2007. Disini ternyata bahawa penggunaan teknik dan bentuk penghasilan tembikar terdahulu yang menjadi warisan merupakan satu wadah yang dihasilkan dengan penuh perasaan dan fikiran tentang utiliti dan kegunaannya. Sehingga penggunaan peralatan buatan tangan ini berasaskan penelitian dan pemerhatian orang terdahulu dalam harian sehingga teretusnya pembelajaran kemahiran tangan dalam penghasilan produk kegunaan harian dan khusus.

KAEDAH KAJIAN




Rajah 1: Model Praktis Studio Seramik bersandarkan kepada teori Edmund
Sumber: Penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik, Shariff M.S (2021)

Jadual 1. Kaedah Model Praktis Studio Seramik

No.	MPSS	Penerangan
1	Explorasi Pembentukan Kreatif	Mengenal pasti tanah liat alternatif, lokasi & kawasan, mengali, mengorek, mengambil, merendam, mengasing, menapis, menyejat & menguli
2	Praktis	Teknik asas seramik (Teknik kepingan, picitan dan lingkaran)
3	Aplikasi Fenomena Kreativiti	Daripada bentuk 2D kepada 3D, aplikasi bahan tanah liat alternatif, reka corak.
4	Teknik	Gabungan teknik asas atau khusus, kekemasan, penguasaan terhadap teknik dan proses penghasilan karya akhir
5	Produk Pengalaman Estetik	Penghasilan dan penbentangan terhadap karya akhir yang telah siap serta persembahan menggunakan <i>software</i> atau aplikasi terkini.

Pada peringkat awal penggunaan tanah liat alternatif diaplikasikan dalam kaedah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Di mana kajian mengfokuskan kepada tanah liat alternatif dan mengekalkan warisan Melayu. Namun begitu ia bersandarkan pada model praktis studio seramik dan berpandukan kepada teori Edmund yang menjadi kayu ukur pencapaian kajian ini seperti psikonalisis, humanistik dan konstruktivisme.



Rajah 5: Kerangka Konseptual

Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik Muhammad Safwan Mohd Shariff 2021

Berdasarkan Rajah 5, dapatan kajian bersandarkan kepada kajian secara menyeluruh pada pemerhatian sepanjang 14 minggu. Penilaian dan kayu ukur bagi kajian penyelidikan ini, ia bersandarkan kepada 3 aspek utama iaitu penilaian terhadap portfolio, dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif dan pendokumentasian karya *final*. Seterusnya, setiap responden akan memperoleh sedikit sebanyak pengalaman estetik, pembentukan kreatif dan fenomena kreativiti sepanjang tempoh 14 minggu. Dapatan akhir akan dinilai secara keseluruhan berdasarkan pemerhatian, analisis dan soal selidik yang diberikan kepada semua responden.

Jadual 1: Fenomonologi Responden

No.	MPSS	Penerangan
1	Pembentukan Kreatif	Terbentuk oleh proses penghasilan portfolio dan dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif
2	Fenomena kreativiti	Terhasil melalui dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif serta penghasilan karya final
3	Pengalaman estetik	Terhasil daripada gabungan penghasilan karya akhir dan penghasilan portfolio sehingga semua proses dan prosedur yang dilalui dapat membentuk pemnikiran kreativiti terhadap tanah liat alternatif dalam mengekalkan warisan Melayu iaitu produk yang berasaskan tanah liat.

Jadual 2: Dapatan Kajian

No.	MPSS	Penerangan
1	Analisis	Terbentuk oleh proses penghasilan portfolio dan dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif
2	Soal Selidik	Terhasil melalui dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif serta penghasilan karya <i>final</i>

3	Pemerhatian	Terhasil daripada gabungan penghasilan karya akhir dan penghasilan portfolio sehingga semua proses dan prosedur yang dilalui dapat membentuk pemikiran kreativiti terhadap tanah liat alternatif dalam mengekalkan warisan Melayu iaitu produk yang berasaskan tanah liat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perubahan Idea dan Lakaran



Lakaran idea asal



Lakaran idea baharu yang dipilih

Perubahan Yang Diubah

1. Pada bahagian kepala tembikar diubah kerana bentuk karya asal lebih kecil dan sud sukar untuk dibentuk.
2. Bentuk badan tembikar juga diubah dari bentuk asal pada bahagian tapak bagi mewujudkan lagi keseimbangan tembikar.
3. Ukiran pada badan tembikar diubah kerana mendapat idea baharu dan lebih menarik jika diukir pada badan tembikar tidak tembus dan diubah dengan motif ukiran kayu yang lebih jelas.

Rajah 1: Idea Pilihan DA13 MSK 3042 UPSI, 2021

Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik, Muhammad Safwan Mohd Shariff 2021

Di mana responden menghasilkan lakaran pada tahap pertama, melalui pemerhatian terhadap tokoh dan artis rujukan. Responden mengambil kira dari sudut kepelbagaian terhadap penghasilan yang diminati untuk dijadikan sebagai rujukan. Responden menghasilkan reka corak dengan mengutamakan reka corak tradisional serta memberi penekanan kepada lambang identiti warisan. Penggunaan reka corak memainkan peranan penting dalam penghasilan karya bagi menghasilkan satu karya yang bermutu serta

dapat melambangkan identiti warisan Melayu dalam penghasilan karya kreatif beradaptasikan terhadap penggunaan tanah liat alternatif.



Rajah 2: Karya DA13 2D kepada 3D MSK 3042 UPSI, 2021
Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik, Muhammad Safwan Shariff 2021


Pada peringkat ini, selepas responden memperoleh sumber tanah liat alternatif. Responden menggunakan tanah liat alternatif tersebut sebagai bahan utama dalam penghasilan produk. Di mana responden menghasilkan karya daripada bentuk 2D kepada 3D. Hasil yang reka seharusnya mengetengahkan identiti warisan Melayu. Proses penghasilan ini mengambil tempoh masa tertentu alam mengawal keadaan tanah liat alternatif berada dalam keadaan yang baik sehingga ke peringkat akhir iaitu kekemasan dan “finishing”.



Rajah 3: Proses Kekemasan DA13 MSK 3042 UPSI, 2021
Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik Muhammad Safwan Shariff 2021

Pada peringkat ini, responden akan mula menghasilkan reka corak yang digambarkan pada lakaran yang dipilih. Lakaran yang dipilih ini adalah hasil olahan idea dan perkembangan idea daripada artis dan karya rujukan. Di mana responden mengaplikasikan reka corak dari kertas kepada bentuk nyata iaitu

3D. Penelitian dan kekemasan perlulah dititik beratkan dalam proses pembuatan agar ia mencapai tahap yang diinginkan.



Rajah 3: Karya Akhir Responden DA13 MSK 3042 UPSI, 2021
Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik, Muhammad Safwan Mohd Shariff 2021

Penghasilan karya yang dihasilkan oleh reposnden menunjukkan tahap keberhasilan dalam menerapkan simbolik warisan Melayu itu berjaya. Dimana responden berjaya mengadaptasikan seni kraf bersama ukiran. Responden menitikberatkan bentuk karya dalam reka corak yang lebih berorientasikan kepada simbolik kraf tanah air. Hal ini menunjukkan tahap penggunaan dan adaptasi penggunaan tanah liat alternatif terhadap penghasilan karya kreatif bersandarkan warisan Melayu berjaya dihasilkan dengan penuh konsep elemen dan prinsip rekaan. Keberhasilan ini membuktikan tahap penggunaan tanah liat warisan berjaya diadaptasikan dengan bersandar prosedur khusus iaitu model praktis studio seramik. Hal ini terbukti, keberhasilan penggunaan tanah liat alternatif dalam penghasilan karya kraf. Terbuktilah bahawa pada penghasilan seramik terdahulu juga mempunyai prosedur yang sama namun ia tertumpu pada kawasan tertentu seperti Kuala Kangsar, Kuala Tembeling dan Kuala Krai sahaja. pada penghasilan seramik



Rajah 4: Karya terbaik DA12 MSK 3042 UPSI, 2021
Sumber: Data peribadi penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studio seramik, Muhammad Safwan Mohd Shariff 2021

Salah satu hasil karya yang dihasilkan oleh salah satu responden dalam kajian penyelidik penggunaan tanah liat alternatif dalam pembentukan kreativiti terhadap model praktis studi seramik. Dimana responden tersebut berjaya menghasilkan satu karya kreatif yang berorientasikan tanah liat alternatif serta pengolahan idea berdasarkan artis dan karya rujukan sbagai panduan. Kejayaan penghasilan reka corak yang kreatif ini tekah berjaya menimbulkan satu pandang baik terhadap prosedur khusus yang

digunakan iaitu model praktis studio seamik. Hasil dapatan melalui kejayaan responden ini telah membuktikan bahawa MPSS mampu dijadikan sebagai satu prosedur khusus dalam merealisasikan pembentukan kreatif serta membantu kearah perkembangan dalam bidang kraf. Hanya menggunakan tanah liat semula jadi yang dikitar semula berjaya menghasilkan satu bentuk pencapaian yang baik. Sebelum ini, para responden terikat dan berpendapat bahawa tanah kitar semula tidak mampu dihasilkan kerana kurang bermutu dan tiada kadar keplastikan. Hal ini telah menimbulkan reaksi yang baik kepada semua responden dalam mengentengahkan lagi prosedur ini untuk terus bergiat dan berkembang dalam bidang dan khusus tertentu.

PENUTUP

Kesimpulan kajian ini menunjukkan kadar kebolehgunaan tanah liat alternatif amat berkesan. Bagi membuktikan kadar kebolehgunaan tanah liat alternative, tanah liat tersebut perlu melalui uji kaji eksperimentasi dengan menguji kadar keplastikan. Proses ini bersandarkan MPSS dalam meningkatkan perkembangan dalam penghasilan karya kreatif bagi mengekalkan warisan Melayu dengan menerapkan reka bentuk seramik tradisional kepada bentuk kontemporari. Selain itu, perlu menguar-uarkan kebolehgunaan tanah liat alternatif kitar semula ini secara meluas agar setiap masyarakat yang ingin mempelajari dan bergiat dapat manfaat.

PENGAKUAN

Kajian ini mengfokuskan kepada responden MSK 3042 studio tembikar UPSI. Kajian dijalankan selama 14 minggu mengikut jadual yang telah disediakan. Kesemua responden menunjukkan perubahan dari minggu pertama sehingga akhir dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Setiap responden akan dinilai melalui portfolio, video penghasilan tanah liat dan dokumentasi berkaitan dengan penghasilan tanah liat alternatif dalam penghasilan karya kontemporari dengan menyetengahkan dan mengutamakan warisan Melayu dalam penghasilan karya kraf kreatif. Kajian terhadap MSK 3042 membuahkan hasil yang cemerlang dan turut menunjukkan pencapaian yang memuaskan daripada kesemua 15 responden yang dijadikan sebagai responden khusus dalam studio seramik.

RUJUKAN

- Abdul Azizi Husin ed. (2011). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Adi Taha. (2000). *Tembikar Prasejarah Di Malaysia: Satu survey*, Kertas kerja Seminar Tembikar dari Warisan ke Wawasan. Shah Alam: Muzium Sultan Alam Shah. hlm.1.
- Adilawati, Asri. (2014). *Pelestarian dalam mengekalkan seni warisan ukiran kayu kaum Iban*. Universiti Malaysia Sarawak
- Habibah Ahmad, Nur Farahin Zainuddin, Hamzah Jusoh, Amriah Buang, Er Ah Chony, Sri Winami Samair, Hazita Azman, Mastura Mahmud. (2014). Peranan media sosial Tripadvisor dalam mempromosikan Tapak Warisan Dunia Melaka. *GeografiaOnlineMalaysian Journal of Society and Space*, 10 issue 8 1:97-113
- Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam Said & Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom 2014, Catan Batik Najib Dawa, *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, ISSN 2289-4640 / Vol. 2 (2014) / (62-68)
- N.A. Halim. (1981). dalam Achmad Sopandi (2003) *Lukisan Gua di Malaysia*, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. hlm. 44.
- Norhayati Ayob. (2009). Konsep reka bentuk 3D: Cawan dan piring. Isu-isu Seni Kontemporari. Dlm. Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan. Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Nurul Izzah Mohd Johari, Tajul Shuhaizam, Harozila Ramli. (2019). Seni ragam hias ukiran warisan peradaban Merong Mahawangsa, *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, ISSN 2289-4640 /eISSN 0127-9688 /Vol. 7 (2019) / (1-10)
- Malaysia. (1976). *Akta Harta Benda Purba 1976 (Akta 168)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.

- Malaysia. (1996). Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Malaysia. (1998). Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Malaysia. (2005). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Mohammad Azwan Jainal, Harozila Ramli & Tajul Shuhaizam Said. (2021). Keindahan reka bentuk Busana Samrah Etnik Suluk di Sandakan, Sabah, *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, ISSN 2289-4640 /eISSN 0127-9688 /Vol. 9 No. 2 2021 (52-65).
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan warisan Dan Agensi Pelaksana di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Safwan Mohd Shariff, Tajul Shuhaizam Said, Harozila Ramli 2021, Aplikasi Model Praktis Studio Keramik dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Terhadap Penerokaan Kreatif dan Kritis Berasaskan Tanah Liat Alternatif, *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 3, 35-41, 2021 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/>
- Safwan Shariff. (2020). Eksperimentasi tanah liat habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari, *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, ISSN 2289-4640 /eISSN 0127-9688 /Vol. 8 No.1 (2020) / (35-42).
- Tajul Shuhazam Said. (2006). Mengenali Tanah Liat dan Jasadnya. Dalam Mohd Johari Ab. Hamid. *Metodologi pendidikan seni visual* (hlm. 101). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tajul Shuhaizam Said. (2017). *Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Yahya Buntat & Norhusna Mohamed. (2017). *Aplikasi Pemikiran Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.